

Imigresen dua negara bincang kos hantar pendatang

BH 19 OCT 2000

LANGKAWI, Rabu - Jabatan Imigresen Malaysia dan Indonesia akan membincangkan kos penghantaran pulang pendatang tanpa izin negara itu yang akan ditanggung bersama oleh kedua-dua negara.

Ketua Pengarah Imigresen, Datuk Aseh Che Mat, berkata perbincangan itu akan diadakan berikutan hasil mesyuarat dua hala antara Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Presiden Indonesia, Abdurrahman Wahid di sini semalam.

Beliau berkata, pihaknya berharap penghantaran pulang pendatang tanpa izin menggunakan kapal perang Indonesia yang pernah dilakukan dua tahun lalu, digunakan semula.

"Kita mendapat tahu ada setengah mereka yang dihantar balik ke Indonesia, berpatah balik. Kita tidak mahu ini berlaku. Dalam pada itu, ada yang diselewengkan. Kita hantar balik tetapi selepas itu ada pihak beritahu boleh atur balik semula ke sini dan dijanjikan kerja.

"Maklumat yang tidak betul ini menyebabkan pendatang asing terbabit menjadi mangsa. Ini harus diperbetulkan supaya hubungan dua hala Malaysia-Indonesia bertambah baik," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas mengucapkan selamat jalan kepada Presiden Indonesia, Abdurrahman Wahid dan delegasi di Lapangan Terbang Antarabangsa

Langkawi, di sini, hari ini.

Turut berada di lapangan terbang itu ialah Timbalan Menteri Luar, Datuk Leo Michael Toyad dan beberapa pegawai kanan kerajaan.

Aseh berkata, kerajaan tidak menafikan keperluan pekerja asing rakyat Indonesia penting kerana daripada 900,000 pekerja asing dalam negara, hampir 700,000 adalah pekerja Indonesia.

Sehubungan itu, beliau berkata, jabatannya perlu menguruskan segala hal berkaitan pekerja asing Indonesia dengan baik.

Dari segi penghantaran balik pendatang haram ini, Aseh berkata, majikan yang memerlukan pekerja asing perlu membuat permohonan mengikut cara yang teratur, bukan dengan pendatang asing.

"Maksudnya, pemutihan tidak dibenarkan. Siapa yang masuk secara haram dibahagi kepada dua kategori iaitu pertama memasuki negara ini secara haram sejak awal dan kedua, masuk secara sah kemudian haram kerana visa tidak dilanjut," katanya.

Kos penghantaran pulang pendatang tanpa izin tertakluk kepada jarak destinasi. Bagi pendatang Bangladesh, RM750 dibelanjakan untuk menguruskan kepulangan mereka manakala bagi pendatang tanpa izin Indonesia yang berlepas dari Melaka ke Dumai, RM35 saja.

Sejak Januari tahun ini, kira-kira 65,000 pendatang tanpa izin Indonesia sudah dihantar pulang.